
Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1(1)

Tarikh : 13 Februari 2014

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan,

PEKELILING MQA BIL. 2/2014 – PENGGUNAAN STANDARD PROGRAM

- i. **STANDARD PROGRAM: PENGAJIAN MEDIA DAN KOMUNIKASI**
- ii. **STANDARD PROGRAM: SENI PERSEMBAHAN**
- iii. **STANDARD PROGRAM: PERAKAUNAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) dengan kerjasama panel standard program yang terdiri daripada ahli akademik, industri, badan profesional dan bukan profesional yang berkenaan dengan program pengajian telah menggubal standard program bagi bidang pengajian media dan komunikasi, seni persembahan dan perakaunan yang akan menjadi panduan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam penawaran program di institusi masing-masing serta digunakan oleh semua pegawai dan ahli panel penilai MQA dalam penilaian program.

3. Tiga standard program yang tersebut di atas menggariskan keperluan minimum khusus dalam penawaran program bagi tiga bidang pengajian iaitu pengajian media dan komunikasi, seni persembahan dan perakaunan. Sepertimana dokumen jaminan kualiti yang lain, standard program dibangunkan berasaskan sembilan bidang jaminan kualiti di Malaysia dan menepati keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF).

4. Sehubungan dengan itu, semua PPT yang menawarkan program dalam bidang pengajian yang berkaitan adalah tertakluk kepada penggunaan dokumen standard program ini bagi penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Sementara dan

Akreditasi. Walau bagaimanapun, PPT juga boleh menambah elemen-elemen yang bersesuaian dan memastikan program tersebut selaras dengan keperluan nasional dan antarabangsa.

5. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap dokumen standard ini adalah seperti butiran berikut:


BIL	TARIKH	PERKARA
1.	18 Februari 2014 sehingga 17 Februari 2015	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk mematuhi keperluan dokumen standard berkenaan.
2.	01 Ogos 2014	<ul style="list-style-type: none">• Semua program baru yang memohon Akreditasi Sementara termasuk kurikulumnya hendaklah menggunakan dokumen standard ini sepenuhnya.• Dokumen standard ini akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian.• Pengambilan pelajar pada dan selepas 01 Ogos 2014 hendaklah mengikut syarat kelayakan masuk berdasarkan dokumen standard ini.

6. Pekeliling ini berkuatkuasa bermula dari tarikh ia dikeluarkan. Untuk makluman juga, standard program ini boleh dimuat turun di laman web MQA (www.mqa.gov.my).

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang ikhlas,



(DATO' DR. SYED AHMAD HUSSEIN)

Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia

No. Tel : 03-79687044
No. Faks : 03-79569496
Emel : syedahmad@mqa.gov.my

s.k.:

1. Y.A.B. Menteri Pendidikan Malaysia
Pejabat Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 10, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P PUTRAJAYA

2. YB. Menteri Pendidikan Malaysia II
Pejabat Menteri Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi)
Aras 18, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P PUTRAJAYA

3. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P PUTRAJAYA

4. YBhg. Ketua Setiausaha II
Pejabat Ketua Setiausaha II
Kementerian Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi)
Aras 17, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P PUTRAJAYA

5. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi)
Aras 9, No.2, Menara 2
Jalan P5/6 Presint 5
62200 W.P PUTRAJAYA

6. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Politeknik
Aras 3, Blok E3, Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62505 W.P PUTRAJAYA

7. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Kolej Komuniti
Aras 4, Blok E14, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62505 W.P PUTRAJAYA